

# Pelancaran dua projek raksasa oleh Perdana Menteri

# Mencatat sejarah

BM 15 SEP 1985

**K**UCHING — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mempunyai jadual yang sibuk dalam rangka lawatan lima hari ke Sarawak mulai 20 Ogos lalu. Ketibaan beliau dan Datin Sri Dr Siti Hasmah di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching disambut oleh lebih 5,000 rakyat pelbagai kaum.

Datuk Seri Dr Mahathir dan Datin Seri Dr Siti Hasmah dipersembahkan tarian asli beberapa kaum di Sarawak — joget ngajat oleh penari-penari Iban, pelangi oleh kaum Bidayah dan tarian singa oleh masyarakat Cina.

Di pusat bandar Kuching pula, bangunan tambahan hotel Holiday Inn yang bernilai lebih \$70 juta dan Wisma Pertubuhan Belia Kebangsaan Bersatu Sarawak (Saberkas) yang berharga hampir \$100 juta tersergam gagah menunggu kedatangan Perdana Menteri.

Projek Hidro di Batang Ai di Ba-

hagian Kedua Sarawak yang dibina dengan belanja \$650 juta, juga menanti-nantikan sentuhan Datuk Seri Dr Mahathir sebagai merestuinnya.

Pada sebelah petangnya Perdana Menteri merasmikan bangunan tambahan hotel Holiday Inn. Beliau menegur pemaju-pemaju hotel yang membelanjakan banyak wang untuk mencantikkan hotel, tetapi mengabaikan tempat yang menjadi tumpuan pelancong.

Pada pagi kedua, beliau merentas Sarawak dengan helikopter menuju Batang Ai untuk merasmikan khemah kerja pergerakan pemuda parti-parti komponen Barisan Nasional.

Beliau berkata, kaum belia harus mengorbankan sedikit kepentingan diri dan jangan membesarkan isu perkauman, supaya rakyat Malaysia dapat menikmati hidup yang lebih maju dan makmur.

Perdana Menteri kemudian merasmikan projek hidro di Batang Ai yang dibina sejak tahun 1982.

Oleh

**RAHIM LAJIS**

Beliau berkata, ada golongan yang cuba mempengaruhi rakyat supaya menghalang projek-projek pembangunan.

Pada petangnya, beliau merasmikan pelancaran operasi pemasangan truk di Kilang Sarawak Motor Industries (SMI) Di Bintawa dekat Kuching.

"Walaupun terpaksa menanggung kos yang tinggi dan berdepan dengan persaingan hebat daripada negara-negara pengeluar kereta yang lebih terkemuka dan mahir, Malaysia tetap akan memajukan industri kereta sendiri," tegas beliau.

Beliau menjelaskan, negara terpaksa mengorbankan berjuta-juta ringgit untuk projek itu kerana dengan cara ini kita boleh menimba teknologi dan kemahiran membuat kereta. Proton Saga adalah

bukti kegigihan ini.

Beliau berkata, negara menumpukan perhatian kepada industri logam kerana ia adalah dahan untuk mempelajari pelbagai cabang dan ranting teknologi pembuatan jentera berat.

Pada pagi ketiga, 22 Ogos, Datuk Seri Dr Mahathir merasmikan Wisma Saberkas, menara 20 tingkat untuk pejabat dan kompleks membeli-belah, yang menja di lambang kegigihan dan masa depan 70,000 anggota pertubuhan itu.

Beliau menggesa kaum belia membimbing masyarakat mengikut cara hidup yang sesuai dengan kehendak dan peredaran masa supaya tidak ketinggalan dan akhirnya merasa iri hati terhadap orang lain yang lebih bahagia.

"Banyak kawasan hutan ditebang licin untuk pertanian pindah randah. Cara ini telah memusnahkan pokok-pokok balak yang mengambil masa beratus tahun untuk mebesar dan mendatangkan

hasil," katanya.

Pada petangnya, Perdana Menteri menaiki bot selama dua jam menuju Santubong dan menaiki jeep melawat kawasan perkampungan nelayan di situ dan bermalam di kompleks Pantai Damai.

Pada pagi 24 Ogos, sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur, Perdana Menteri menyatakan beberapa perkara yang patut dikaji dan difikirkan oleh rakyat dan pemimpin-pemimpin Sarawak.

"Umno tidak perlu ditubuhkan di Sarawak dan Sabah. Malah Umno tidak pernah mempunyai hasrat itu. Yang lebih penting ialah rakyat Sarawak dan Sabah bekerjasama dan bersatu padu untuk terus menikmati hidup aman, mewah dan bahagia," tagas beliau.

Beliau puas hati dan bertambah yakin dengan kepemimpinan Sarawak walaupun ada golongan tertentu mengemukakan sebab-sebab mengapa kewibawaan Ketua Menteri, Datuk Patinggi Haji Abdul Taih Mahmud, patut diragukan. □